

TEKS UCAPAN NAIB CANSELOR SEMPENA MAJLIS
KONVOKESYEN KETIGA PADA 4 & 5 OGOS

TAHAN YANG TERPUTIH BERPANTUK MULAH UTAMA
MONO KHULUS YANG DI CANSelor SEMPENA

TEKS UCAPAN Y.BHG. NAIB CANSELOR SEMPENA MAJLIS KONVOKESYEN MELAKA KETIGA UTeM

BERSAMA SAMA MANSUHANNA,

BERBAGI RASA DAN BERPENGARUH

MENGALAMKAN

WIT, WIT, DAN SALAM

SEJARAH

DAYA, BANG PISAK SECURUH WARIS UNIVERSITI

MENGACIKAPKAN JUTINOGO TINGGI TERIMA KAISAR

DAN PENGARUHAN KEPADA YAHYU YAHYU

SEJARAHKA.

TEMPAT:

DEWAN SERI NEGERI

MELAKA

AI HAMDULILLAH SUGALA PAS BAGI KELAH

MAYA HEMAS YANG TELAH MELIMPahkan

BAHAGI DAN EWATA MEMBERI KESEMPATAN

KEPADA KITA SEMUA, HADIR UNTUK MENGADAMI

MAJLIS KONVOKESYEN KETIGA UNIVERSITI

TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA DENGAN

YAHYU YAHYU BAGI MENGETAHUI DAN

PENGARUHAN UNDAN DAN TEPUNYA JERTA

HATIHI KEPADA PARA GRADUAT

TARIKH :

04 - 05 OGOS 2007

TEKS UCAPAN NAIB CANSELOR SEMPENA MAJLIS KONVOKESYEN KETIGA PADA 04 DAN 05 OGOS 2007 BERTEMPAT DI DEWAN SERI NEGERI, MELAKA

TUAN YANG TERUTAMA TUN DATUK SERI UTAMA MOHD KHALIL BIN YAAKOB, CANSELOR UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA, DAN YANG AMAT BERBAHAGIA TOH PUAN DATO' DATIN SERI UTAMA ZURINA BT. KASIM.

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

ASSALAMUALAIKUM WRT. WBT. DAN SALAM SEJAHTERA

ALHAMDULILLAH SEGALA PUJI BAGI ALLAH YANG MAHA BESAR, YANG TELAH MELIMPAHKAN RAHMAT DAN IZINNYA, MEMBERI KESEMPATAN KEPADA KITA SEMUA, HADIR UNTUK MENYAKSIKAN MAJLIS KONVOKESYEN KETIGA UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM).

SAYA, BAGI PIHAK SELURUH WARGA UNIVERSITI, MENGUCAPKAN SETINGGI-TINGGI TERIMA KASIH DAN PENGHARGAAN KEPADA TUAN YANG TERUTAMA TUN, KERANA SUDI MELUANGKAN MASA, HADIR PADA MASJLIS KONVOKESYEN KETIGA UTeM, BAGI MENYEMPURNAKAN PENGANUGERAHAN IJAZAH DAN DIPLOMA SERTA HADIAH KEPADA PARA GRADUAN.

SESUNGGUHNYA WARGA UTeM AMAT BERTUAH DAN BERBANGGA MEMPUNYAI SEORANG CANSELOR YANG BERPENGETAHUAN TINGGI, BERPENGALAMAN LUAS DAN MENGAMBIL BERAT

PULA TERHADAP PEMBANGUNAN DAN KEMAJUAN UNIVERSITI.

KAMI WARGA UTeM, BERDOA SEMOGA TUAN YANG TERUTAMA TUN CANSELOR DAN SEISI KELUARGA AKAN TERUS DIKURNIAKAN DENGAN KESIHATAN YANG ALFIAT DAN MENGHARAP TUN CANSELOR DAPAT TERUS MEMIMPIN UTeM KE ARAH MENCAPI KECEMERLANGAN.

TUAN YANG TERUTAMA TUN CANSELOR,

SUKACITA SAYA MEMAKLUMKAN, BAHAWA MAJLIS KONVOKESYEN KETIGA UTeM AKAN MENYAKSIKAN 1347 GRADUAN DIANUGERAHKAN IJAZAH DAN DIPLOMA. DI SAMPING ITU UNIVERSITI JUGA MENGANUGERAHKAN IJAZAH KEHORMAT DOKTOR KEJURUTERAAN KEPADA SEORANG TOKOH

INDUSTRI YANG BANYAK MENYUMBANG JASA KEPADA UNIVERSITI.

SETERUSNYA, SAYA MEMOHON IZIN TUAN YANG TERUTAMA TUN CANSELOR UNTUK SAYA MENYAMPAIKAN UCAPAN KEPADA PARA HADIRIN.

YANG BERHORMAT DATUK YAAKOB BIN MD AMIN,

PENGERUSI JAWATANKUASA NEGERI, PELAJARAN DAN PENGAJIAN TINGGI, NEGERI MELAKA,

MEWAKILI

YANG AMAT BERHORMAT KETUA MENTERI MELAKA DAN ISTERI

YANG BERBAHAGIA TAN SRI DATO' SERI (DR.)
MOHD SALEH BIN SULONG,
PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH UTeM
DAN ISTERI

DIF-DIF KEHORMAT,

PARA IBU-BAPA,

PARA GRADUAN,

YANG BERHORMAT AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT
KERAJAAN NEGERI MELAKA,

SERTA SIDANG HADIRIN YANG DIHORMATI
SEKALIAN.

AHLI-AHLI LEMBAGA PENGARAH UTeM,

TERLEBIH DAHULU, BAGI PIHAK UNIVERSITI, SAYA
MENGUCAPKAN SELAMAT DATANG KE MAJLIS
KONVOKESYEN KETIGA UTeM.

NAIB CANSELOR/REKTOR DAN WAKIL DARI
UNIVERSITI TEMPATAN,

TIMBALAN-TIMBALAN NAIB CANSELOR,
AHLI-AHLI DAN PEGAWAI-PEGAWAI KANAN
UNIVERSITI,

TAHUNINI AMAT BERSEJARAH BAGI UNIVERSITI
KERANA MULAI 01 FEBRUARI 2007, NAMANYA
TELAH DIUBAH DARI "KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL
KEBANGSAAN MALAYSIA (KUTKM)" KEPADA
"UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM)".

DENGAN NAMA BARU INI, KITA TELAH MENYELESAIKAN BANYAK MASALAH AKIBAT KEKELIRUAN DAN SALAH FAHAM TERHADAP STATUS KOLEJ UNIVERSITI YANG DIKATAKAN BUKAN BERTARAF UNIVERSITI, WALAUPUN SEBENARNYA IA BERTARAF UNIVERSITI PENUH. SEMPENA NAMA BARU INI, KAMI WARGA UNIVERSITI BERAZAM MENJADIKAN KEMAJUAN YANG DICAPAI SEBELUMNYA SEBAGAI ASAS UNTUK MELONJAK KE TAHAP KEMAJUAN YANG LEBIH TINGGI.

NAMA BARU UNIVERSITI AKAN MEMBERI BANYAK FAEDAH DAN KEBAIKAN KEPADA KITA DAN SEHARUSNYA KITA MENGAMBIL PELUANG SEGALA KESEMPATAN YANG ADA UNTUK MENINGKATKAN PROFAIL UNIVERSITI SUPAYA DIKENALI DAN DISEGANI DI PERINGKAT ANTARABANGSA.

PARA HADIRIN SEKALIAN,

PADA KONVOKESYEN TAHUN INI, JUMLAH GRADUAN IALAH 1347 ORANG. MEREKA TERDIRI DARIPADA 4 IJAZAH SARJANA, 1093 IJAZAH SARJANA MUDA DAN 250 DIPLOMA. MENGIKUT BIDANG, GRADUAN SARJANA MUDA KEJURUTERAAN 819, SARJANA MUDA SAINS KOMPUTER 274, DIPLOMA KEJURUTERAAN 212, DIPLOMA TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI 38.

DENGAN ITU, JUMLAH GRADUAN YANG DILAHIRKAN OLEH UNIVERSITI SETELAH TIGA KALI KONVOKESYEN IALAH 2,815 ORANG, SEMUANYA DALAM BIDANG TEKNIKAL.

PADA KONVOKESYENINI JUGA, UNIVERSITI TURUT MENGANUGERAHKAN IJAZAH KEHORMAT DOKTOR KEJURUTERAAN KEPADA SEORANG TOKOH INDUSTRI IAITU MR. WALTER SIENER, DARI AUSTRALIA. BELIAU ADALAH SEORANG AHLI PANEL

PENASIHAT INDUSTRI UTeM YANG TELAH MEMBUAT SUMBANGAN SIGNIFIKAN MENJALIN DAN MENGERAKTAKAN HUBUNGAN UNIVERSITI INDUSTRI DAN KEPADA PROGRAM PEMINDAHAN TEKNOLOGI PEMBUATAN TERMAJU YANG MERUPAKAN BIDANG TUJAHAN UTeM.

PARA HADIRIN SEKALIAN.

DENGAN KEMASUKAN PELAJAR BARU PADA 01 JULAI 2007, ENROLMEN PELAJAR KINI MENCECAH 5,560 ORANG TERDIRI DARIPADA 810 PELAJAR DIPLOMA, 4603 PELAJAR SARJANA MUDA, 121 PELAJAR SARJANA, DAN 26 PELAJAR PROGRAM DOKTOR FALSAFAH. JUMLAH PELAJAR LUAR NEGARA MASIH SEDIKIT IAITU HANYA 21 ORANG. SASARAN UNIVERSITI IALAH 10,000 PELAJAR PADA TAHUN 2010.

DUA PROGRAM BARU PERINGKAT SARJANA MUDA DIPERKENALKAN PADA TAHUN INI, IAITU SARJANA MUDA KEJURUTERAAN ELEKTRONIK (KOMUNIKASI WAYARLES) DAN SARJANA MUDA SAINS KOMPUTER (KEPINTARAN BUATAN).INI BERMAKNA UNIVERSITI KINI MENAWARKAN 5 PROGRAM DIPLOMA DAN 22 PROGRAM SARJANA MUDA. DI SAMPING ITU, SEMUA FAKULTI DAN INSTITUT PENGURUSAN TEKNOLOGI DAN KEUSAHAWANAN MENGENDALIKAN JUGA PROGRAM SARJANA DAN DOKTOR FALSAFAH, TERMASUK PROGRAM SARJANA ANJURAN BERSAMA DENGAN COVENTRY UNIVERSITY.

SEMUA PROGRAM YANG DIIKUTI OLEH GRADUAN FAKULTI TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI TELAH MENDAPAT PENGIFTIRAFAN JABATAN PERKHIDMATAN AWAM. PADA TAHUN 2006, 4 PROGRAM KEJURUTERAAN TELAH MENDAPAT AKREDITASI, MANAKALA PADA TAHUN 2007 PULA,

SEBANYAK 7 PROGRAM LAGI TELAH MENJALANI PROSES PENILAIAN OLEH MAJLIS AKREDITASI KEJURUTERAAN (ENGINEERING ACCREDITATION COUNCIL – EAC) UNTUK MENDAPAT AKREDITASI.

PARA HADIRIN SEKALIAN,

KEJAYAAN DALAM BIDANG PENYELIDIKAN AKAN MENINGKATKAN NAMA DAN PROFAIL UNIVERSITI. KINI, PENYELIDIKAN, PEMBANGUNAN DAN PENGKOMERSILAN (R&D&C) MERUPAKAN AKTIVITI PENTING. UTeM SENTIASA MEMBERI GALAKAN KEPADA STAF UNTUK BERGIAT AKTIF DALAM PENYELIDIKAN.

SEHINGGA KINI, SEBANYAK RM6,053,928 TELAH DIAGIH KEPADA 337 PROJEK JANGKA PENDEK. PADA TAHUN INI, SEBANYAK 87 CADANGAN PROJEK TELAH DIKEMUKAKAN UNTUK MEMOHON

RM14,237,581 GERAN FRGS, KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI. DI BAWAH DANA SAINS (SCIENCE FUND) KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI, UNIVERSITI TELAH MENGEMUKAKAN 18 CADANGAN PROJEK UNTUK MENDAPAT GERAN SEBANYAK RM7,968,657.

ANTARA KEJAYAAN YANG DICAPAI IALAH PADA PERINGKAT ANTARABANGSA IAITU PADA PAMERAN REKACIPTA DAN PRODUK GENEVA SWITZERLAND APRIL 2007, DI MANA KITA MEMENANGI 1 EMAS, 4 PERAK DAN 3 GANGSA. DALAM LAIN PERKATAAN, SEMUA PROJEK YANG DIBAWA KE PAMERAN BERJAYA MEMENANGI PINGAT. PADA PAMERAN PERINGKAT KEBANGSAAN ITEX PULA, UTeM BERJAYA MEMENANGI 3 EMAS, 5 PERAK DAN 5 GANGSA. SATU DARIPADA PROJEK TERSEBUT DIANUGERAH "EUREKA AWARD BELGIUM". KEJAYAAN YANG DICAPAI MENANDAKAN POTENSI PARA PENYELIDIK UTeM UNTUK MERAIH LEBIH

BANYAK KEJAYAAN LAGI PADA MASA AKAN DATANG.

AKTIVITI PERUNDINGAN JUGA TELAH MENINGKAT DENGAN PESAT IAITU DARI 5 PROJEK BERNILAI RM70,005 PADA TAHUN 2006 KEPADA 8 PROJEK DENGAN KOS PERUNDINGAN RM6.86 JUTA PADA TAHUN 2007 SETAKAT INI.

AKTIVITI PERUNDINGAN MENYUMBANG KEPADA PENDAPATAN UNIVERSITI DAN MERUPAKAN SATU USAHA MENCAPAI SASARAN MENANGGUNG SENDIRI 30% KOS PERBELANJAAN MENGURUS YANG DITETAPKAN OLEH KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI (KPT). SEBAGAI MEMANTAPKAN LAGI SEMUA PENGURUSAN AKTIVITI KOMERSIL YANG MENYUMBANG KEPADA PENJANAAN PENDAPATAN, UNIVERSITI TELAH MENUBUHKAN SYARIKAT YANG DIBERI NAMA UTeM HOLDINGS SDN BHD (UHSB) YANG AKAN MENJALANKAN

AKTIVITI PELABURAN DAN PERNIAGAAN MENGIKUT GARIS PANDUAN PELABURAN IPTA YANG DIKELUARKAN OLEH KPT.

PARA HADIRIN SEKALIAN

SEBAGAI USAHA MENINGKATKAN KUALITI KEPADA TAHAP ANTARABANGSA, UNIVERSITI TELAH MENJALINKAN HUBUNGAN KERJASAMA DENGAN BEBERAPA BUAH UNIVERSITI LUAR NEGARA. SEHINGGA KINI, UTeM TELAH MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN DENGAN 7 UNIVERSITI LUAR NEGARA TERMASUK YANG SAYA SEBUTKAN SEBAGAI CONTOH, FAEDAH YANG UTeM PEROLEHI IALAH SUMBANGAN PERISIAN KOMPUTER UNTUK KERJA REKABENTUK KEJURUTERAAN OLEH SYARIKAT UNIGRAPHIC U.S.A BERNILAI USD 4 JUTA.

TIGA LAGI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN DENGAN SYARIKAT TEMPATAN AKAN DITANDATANGANI PADA 10 OGOS 2007 SEMPENA PAMERAN PENYELIDIKAN IPTA "PECIPTA"

UNIVERSITI MAHU PELAJARNYA MENDAPAT PENDIDIKAN DAN LATIHAN YANG BERKESAN DAN TERBAIK SUPAYA MEREKA MENJADI GRADUAN PILIHAN UTAMA INDUSTRI.

MELALUI KERJASAMA DENGAN INDUSTRI, UNIVERSITI BERUSAHA MEREALISASIKAN KONSEP "TEACHING FACTORY", BERTUJUAN MEMBERI PENDEDAHAN DAN LATIHAN KEPADA PELAJAR DALAM SUASANA KILANG PEMBUATAN YANG SEBENAR. SEHUBUNGAN DENGAN ITU, UNIVERSITI TELAH MENGGERAKKAN PROJEK PEMBINAAN KOMPLEKS PEMBUATAN DAN LATIHAN DALAM KAWASAN KAMPUS INDUK. KOMPLEKS TERSEBUT DIJANGKA SIAP PADA TAHUN 2008. SEMENTARA ITU, PUSAT PEMBUATAN TERMAJU DI KAMPUS INDUSTRI SUDAH MEMPUNYAI CUKUP KELENGKAPAN UNTUK MELAKSANAKAN AKTIVITI PEMBUATAN KOMPONEN DAN PRODUK SERTA PENGGUNAAN SEBAGAI "TEACHING FACTORY".

PARA HADIRIN SEKALIAN,

DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KE-8, KERJA PEMBANGUNAN KAMPUS INDUK YANG TELAH SIAP MERANGKUMI KERJA TANAH, INFRASTRUKTUR, 2 BANGUNAN FAKULTI DAN KAFETERIA PELAJAR. DENGAN BAJET YANG DIPERUNTUKKAN DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KE-9, KERJA PEMBANGUNAN DISAMBUNG DAN SEDANG BERJALAN RANCAK. SEMUA PROJEK YANG DIRANCANG DENGAN BAJET YANG DIPEROLEHI DIJANGKA SIAP SEPENUHNYA PADA TAHUN 2009.

SEMENTARA ITU SEBAHAGIAN BESAR UNIVERSITI BERADA DI KAMPUS INDUSTRI DAN KAMPUS BANDAR JUGA TELAH MULA BEROPERASI PADA JULAI 2007.INI BERMAKNA PADA MASA INI, UTeM MEMILIKI TIGA KAMPUS, IAITU KAMPUS INDUK DI DURIAN TUNGGAL, KAMPUS INDUSTRI DI AYER KEROH, DAN KAMPUS BANDAR DI JALAN HANG TUAH, PUSAT BANDAR MELAKA.

PARA HADIRIN SEKALIAN,

UNIVERSITI MERANCANG DAN MELAKSANAKAN PROGRAM DAN AKTIVITI PELAJAR DENAGN TUJUAN BUKAN SAHAJA MEREKA MENCAPAI KECEMERLANGAN DALAM AKADEMIK TETAPI JUGA MEMILIKI SAHSIAH DAN JATI DIRI SERTA KEMAHIRAN INSANIAH YANG TINGGI NILAI.

SAYA INGIN MENGAMBIL KESEMPATAN MENGUCAPKAN SETINGGI TAHNIAH KEPADA SEMUA GRADUAN YANG DIANUGERAHKAN DIPLOMA DAN IJAZAH PADA KONVOKESYEN KETIGA INI. SETERUSNYA SAYA JUGA MENGUCAPKAN SYABAS KEPADA PEMENANG HADIAH DI ATAS KECEMERLANGAN YANG DICAPAI.

SEKARANG SAMPAILAH MASANYA BAGI ANDA SEBAGAI GRADUAN UTeM UNTUK MENTERJEMAHKAN SEGALA PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN YANG TELAH DIBINA SELAMA BERADA DI UTeM DALAM BENTUK PERANAN YANG EFEKTIF DAN SUMBANGAN YANG BERMAKNA DALAM BIDANG KEPAKARAN MASING-MASING. BUKTIKAN KEPADA SEMUA PIHAK BAHAWA ANDA MAMPU MEMBUAT SUMBANGAN YANG TERBAIK DAN UTeM TELAH MENYEDIAKAN ANDA UNTUK PERANAN BERKENAAN.

BAGI UTeM, PERJALANAN MASIH JAUH UNTUK MENJADIKAN ANTARA UNIVERSITI TEKNIKAL TERKEMUKA DI DUNIA. INSYA ALLAH, VISI UNIVERSITI AKAN TERCAPAI JUA, HASIL USAHA GIGIH DAN SOKONGAN PADU SERTA KEYAKINAN TINGGI SELURUH WARGANYA DENGAN BANTUAN SEMUA PIHAK BERKENAAN.

SEKIAN, WABILLAHHI TAUFIK WALHIDAYAH,
WASSALAMUALIKUM WRT. WBT.

TUAN YANG TERUTAMA TUN CANSELOR

DEMIKIANLAH UCAPAN SAYA KEPADA PARA HADIRIN SEKALIAN.

SEKALI LAGI SAYA, BAGI PIHAK UNIVERSITI MENGUCAPKAN SETINGGI TERIMA KASIH KEPADA TUAN YANG TERUTAMA TUN CANSELOR KERANA DAPAT HADIR BUKAN SAHAJA DI MAJLIS KONVOKESYEN, MALAH DI SEMUA PROGRAM LAIN SEMPENA KONVOKESYEN.